

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian ada mempertimbangkan cadangan untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan penunggang basikal seperti pelaksanaan cukai jalan, nombor plat, dan lesen terutamanya yang melibatkan aktiviti di jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan penunggang basikal yang melibatkan pelaksanaan cukai jalan, nombor plat, dan lesen.

Walau bagaimanapun, MOT sedang dalam proses untuk mengawal selia, mewujudkan dan menambahbaik peraturan lalu lintas mengenai penggunaan kenderaan mikromobiliti termasuk basikal dan basikal elektrik di Malaysia. Perkara utama yang akan diberi perhatian adalah aspek keselamatan bukan sahaja kepada penunggang basikal, tetapi yang tidak kurang penting adalah kepada pengguna jalan raya yang lain. Peraturan mengenai perkara ini masih sedang dalam proses dimuktamadkan dan akan dimaklumkan setelah semua proses mengenai pembangunan peraturan telah selesai sepenuhnya.